



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN

SEMPENA

MAJLIS PRA-PELANCARAN
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

PADA

5 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

TEMPAT

ARAS G, NU SENTRAL MALL,
KUALA LUMPUR

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

SALUTASI

YBhg. Datuk Muez Bin Abd Aziz

Ketua Setiausaha KPDNHEP

Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan atau wakil daripada rakan-rakan strategik KPDNHEP

Pengarah-Pengarah Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri

Ketua-Ketua Agensi KPDNHEP

Ketua-Ketua Bahagian KPDNHEP

Usahawan-Usahawan Tempatan

Rakan-rakan Media,

Hadirin dan Hadirat sekalian

ALUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-nya dapat kita semua hadir di dalam **Majlis Pra-Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia** pada hari ini. Saya juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang hadir termasuk dari industri peruncitan di Malaysia, *marketplace*, syarikat-syarikat serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
2. Untuk makluman hadirin sekalian, majlis pra pelancaran ataupun *soft launch* ni diadakan adalah bertujuan bagi memberikan hebahan awal kepada pihak media untuk **mempromosikan karnival Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada 30 Oktober sehingga 3 November 2019 bertempat di Dataran Angsana, Johor Bahru.**
3. Program ini merupakan **salah satu inisiatif kerajaan bagi membantu pengusaha-pengusaha, pengilang-pengilang dan produk buatan Malaysia itu sendiri.** Pelbagai aktiviti menarik dan berinformatif juga telah disusun di dalam karnival Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat kebangsaan ini seperti pameran dan jualan oleh pempamer, demo produk, program kepenggunaan, persembahan pentas serta aktiviti riadah kekeluargaan.

KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

4. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, kerajaan telah memberikan mandat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna untuk melaksanakan sebuah kempen khusus untuk memupuk kesedaran rakyat Malaysia bagi mempertingkatkan penggunaan barangan tempatan.
5. Tujuan kempen ini adalah untuk menyemai semangat patriotisme dan rasa bangga rakyat Malaysia terhadap barangan keluaran tempatan, yang saya rasakan sekarang ini sudah boleh berdiri sama tinggi dengan produk-produk luar negara. Selain itu, sekiranya semua rakyat Malaysia menyokong inisiatif ini dengan mempertingkatkan pembelian barangan tempatan, sudah tentunya ia akan merancakkan ekonomi domestik di negara ini sekaligus mempertingkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK).
6. Kempen ini seharusnya dilihat dalam pelbagai bentuk pelaksanaan yang merangkumi **penganjuran karnival dan ekspo jualan bertemakan beli barangan tempatan, pengiklanan dan promosi melalui media seperti media cetak, media elektronik, media baru (*digital media*) dan *marketplace***. Kempen ini juga turut menyediakan bantuan penyenaian masuk atau penembusan produk-produk tempatan dengan lebih banyak di pasar raya, *hypermarket* serta kedai-kedai serbaneka di Malaysia.

7. Untuk makluman para hadirin, penganjuran karnival Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat kebangsaan adalah merupakan kesinambungan daripada kempen-kempen yang terdahulu tetapi bezanya pada kali ini ianya diadakan pada skala yang lebih besar berbanding penganjuran kempen sebelumnya.
8. Saya yakin bahawa **karnival Kempen Beli Barangan Malaysia peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada awal November 2019 ini juga dapat menggalakkan pembangunan perdagangan domestik dengan menyediakan platform kepada pengeluar atau pengedar untuk memasarkan dan mempromosikan produk serta barangan keperluan secara terus kepada pengguna.**
9. Ini juga bertujuan untuk mewujudkan satu keistimewaan program anjuran KPDNHEP melalui sektor perdagangan dalam negeri dengan kerjasama pengeluar, peruncit dan peniaga. Di samping itu, karnival ini dapat mewujudkan sinergi permuafakatan antara kerajaan dan peniaga, sekali gus merealisasikan **sebuah program yang dapat memberikan manfaat dan impak yang begitu besar kepada rakyat.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. KPDNHEP sebagai sebuah kementerian yang mengawal selia sektor perdagangan dalam negeri turut berperanan dalam membangunkan dan memajukan industri seperti **peruncitan, automotif, kecantikan dan kesihatan, perkhidmatan, minyak dan gas, keperluan isi rumah dan sebagainya.**

11. Pelbagai program dan aktiviti telah dirangka bagi memastikan produk-produk jenama tempatan dapat bersaing dengan produk-produk asing di dalam negara. **Penganjuran ekspo-ekspo dan karnival jualan yang bertemakan ‘Belilah Barangan Malaysia’ adalah merupakan satu platform yang bersesuaian untuk mempromosikan barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia.**

12. Berdasarkan **soal selidik yang telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik daripada UiTM School of Business pada tahun 2015, sebanyak 75% rakyat Malaysia mengetahui tentang adanya Kempen Beli Barangan Malaysia yang dijalankan oleh kerajaan. Namun tahap komitmen rakyat Malaysia untuk membeli barangan buatan Malaysia secara umumnya adalah masih lagi di paras rendah iaitu di tahap 40%.**

13. Bagi meningkatkan keberkesanan kempen ini untuk dekat kepada rakyat dan mereka menyakini produk buatan Malaysia dengan cara menggabungkan iklan, promosi, penganjuran ekspo dan jualan karnival dengan lebih kerap di seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. KPDNHEP juga telah mengadakan sesi perbincangan dan libat urus (*engagement*) dengan pemain-pemain industri peruncitan (*retailers*) dan *marketplace* di Malaysia. Setakat ini penerimaan mereka adalah positif dan mereka bersedia untuk membantu usaha kementerian ini di premis perniagaan masing-masing. Terima kasih saya ucapkan atas kerjasama pihak industri kepada kementerian.

15. Pelbagai bentuk kerjasama telah ditetapkan seperti penyenaiaan tetap produk-produk tempatan di *hypermarket* dan pasar raya dengan kadar *listing fees* yang minimum, promosi Kempen Beli Barangan Malaysia di *outlet* masing-masing. Dengan inisiatif seperti ini, diharapkan lebih banyak produk-produk tempatan akan menembusi pasaran peruncitan di negara ini.
16. Kementerian telah diberikan sejumlah dana oleh kerajaan untuk Kempen Beli Barangan Malaysia dan peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya secara khusus untuk membantu usahawan, pengusaha dan pengilang tempatan. Melalui inisiatif strategik ini, kerajaan dapat membantu usahawan dalam mengembangkan perusahaan dan perniagaan mereka. Inisiatif ini dapat meningkatkan tahap kesedaran dan mendorong pengguna untuk membeli barangan buatan Malaysia.
17. Di kesempatan ini, saya sekali lagi menyeru kepada semua peruncit, *marketplace* dan pihak media supaya dapat **memberikan sokongan dan menyertai karnival Kempen Beli Barangan Malaysia yang akan diadakan di Johor Bahru pada 30 Oktober hingga 3 November 2019 akan datang**. Saya juga memohon agar para hadirin bersama-sama menghebahkan tentang pengumuman karnival ini. Untuk makluman hadirin sekalian, ianya bersesuaian dengan tema Kempen Beli Barangan Malaysia pada tahun ini iaitu ***#Barang Baik Barang Kita***.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

18. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran para hadirin pada hari ini. Tidak lupa juga saya ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan strategik seperti **Tesco, Giant, Econsave, The Store, Mydin, Aeon, Petronas Dagangan, Lazada, Shopee. Air Asia** dan juga kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan **Majlis Pra-Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia** pada hari ini.

Sekian, terima kasih.